# Sinar Harian

TELUS & TULUS

AKHBAR ARUS PERDANA PALING DIYAKINI

sinarharian.com.my

JUMAAT | 6 MEI 2022 | 5 SYAWAL 1443H | BIL: 5585 | PP11200/02/2013 (031412) | sinarharian.com.my | SinarOnline | SinarHarian | SinarHarian | sinarharian | RM1.50




**Israel ceroboh Masjid al-Aqsa, larang laung azan** 29






**Lokasi debat Anwar-Najib belum muktamad** 7



**Nasib 2,600 guru kontrak akan dibela** 8



**Gesa tubuh inkuiri khas siasat kematian doktor pelatih** 25

# TIADA LAGI PESAWAT TERSADAI

- Apabila kerajaan memberikan kelonggaran pembukaan sempadan negara pada 1 April tahun ini, industri penerbangan kembali hidup malah syarikat Malaysia Airlines mencatatkan peningkatan jualan tiket 100 peratus berbanding sebelum ini.
- Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Aviation Group (MAG), Kapten Izham Ismail berkata, penjualan tiket menunjukkan peningkatan ketara dan pelancong rata-ratanya tidak sabar untuk meneruskan perjalanan setelah sekian lama tidak dapat berbuat demikian.
- Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Malaysia, Riad Asmat pula berkata, 36 pesawat syarikat itu telah terbang pada suku pertama tahun 2022 dengan 909 laluan penerbangan mingguan ke 44 destinasi domestik dan dijangka meningkat suku kedua tahun ini.
- Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Firefly, Philip See berpendapat industri penerbangan akan beransur pulih pada keadaan asalnya menjelang penghujung 2022 seperti yang diramalkan untuk pasaran domestik dan ASEAN, manakala pasaran antarabangsa atau antara benua pulih pada 2024.



MUKA 2, 4 & 5

## Pengalaman beraya di negara bergolak

BUNYI deruan jet pejuang setiap hari di Rusia tidak mematahkan semangat penuntut Malaysia untuk menyambut Aidilfitri di negara berkenaan.

Perkara itu diakui Aisyah Nursyaza Anuar, 24, yang ketika ini sedang melanjutkan pelajaran dalam jurusan perubatan di Kursk State Medical University.

Katanya, perasaan bimbang itu tetap ada, tetapi disebabkan keadaan masih terkawal, dia dan rakan-rakannya yang lain masih boleh menjalankan kehidupan seperti biasa. 6



## DEBAT MEDAN KELUARKAN 'PELURU'

PROGRAM Berani Semuka anjuran Sinar Harian yang menampilkan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Rafizi Ramli pada 11 Mei ini dilihat sebagai medan terbaik dua calon Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) menyampaikan secara langsung agenda mereka untuk penilaian ahli parti.

Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP), Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, melalui debat tersebut juga, calon yang terlibat akan dapat mengeluarkan 'peluru' atau idea untuk masa depan parti.

Turut senada, Ketua Setiausaha Pengelola PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad yang berpandangan, debat berkenaan merupakan suatu perkembangan yang sihat dan budaya terbabit telah dimulakan sejak 2010 lagi. 7

